

01 SEP 1996
Sarawak-DAP
PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA MESTI DARI KAWASAN LAIN

KUCHING, 1 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang meminta Suruhanjaya Pilihanraya supaya melantik Pegawai Pengurus Pilihan Raya (PPP) daripada luar sesuatu kawasan pilihan raya bagi memastikan proses pencalonan dijalankan dengan adil.

Beliau berkata, amalan masa ini untuk melantik pegawai-pegawai daerah sesuatu kawasan sebagai PPP di kawasan itu perlu dikaji semula kerana mereka "berat sebelah kepada parti yang memerintah, khasnya jika calon itu adalah seorang Menteri".

" Sikap PPP yang sangat birokratik dan tidak mahu berganjak terhadap kesilapan-kesilapan teknikal yang kecil dalam kertas pencalonan memperkecilkan proses demokrasi dan juga menafikan rakyat hak untuk mengundi," kata beliau di persidangan berita setelah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dari Kuala Lumpur.

Sebagai contoh, beliau berkata kertas pencalonan Chiu Chin Sing daripada DAP bagi kawasan pilihan raya Kemena di Bintulu yang ditolak pada hari penamaan calon oleh PPP Wilfred Jolly kerana menggunakan alamat pos di luar kawasan pilihan raya adalah tidak adil dan tidak demokratik.

Beliau berkata, pemimpin-pemimpin kerajaan sentiasa merayu kepada rakyat untuk menggunakan hak mereka bagi mengundi setiap lima tahun tetapi menolaknya atas alasan teknikal yang kecil kerana sikap berat sebelah PPP memperkecilkan hak demokrasi rakyat Malaysia.

Lim mendakwa Jolly, yang merupakan Pegawai Daerah Bintulu sangat rapat dengan calon BN, Datuk Celestine Ujang yang memenangi kerusi itu selepas kertas pencalonan Chiu ditolak.

Lim yang sebelum ini memberitahu yang DAP akan mengemukakan petisyen pilihan raya terhadap kertas pencalonan Chiu berkata, amalan demokrasi di negara ini akan lebih cekap jika PPP membantu dalam proses pencalonan di sebalik mencari muslihat untuk menolak pencalonan pembangkang.

Menurut Lim, Chiu merupakan calon yang paling berpotensi bagi DAP untuk masuk ke Dewan Undangan Negeri Sarawak kerana beliau sangat popular di Bintulu dan digelar "pembunuh gergasi" dalam pilihan raya Parlimen tahun lepas apabila menumbangkan Presiden SNAP, Datuk Amar James Wong bagi kawasan pilihan raya Bukit Mas.

Mengenai dakwaan Ujang yang Chiu akan kehilangan wang pertaruhan jikapun beliau dibenarkan bertanding, Lim berkata jika begitu, Ujang tidak seharusnya membantah kertas pencalonan Chiu kerana kesilapan teknikal yang kecil.

"Saya memanggil Ujang supaya melepaskan kerusinya dan biarkan pengundi di kawasan itu memutuskannya," kata beliau.

Lim berkata, DAP juga mendapat maklumat yang taktik-taktik kotor turut digunakan di beberapa kawasan pilihan raya pada hari penamaan calon untuk menghalang calon-calon pembangkang dan bebas daripada mengemukakan pencalonan mereka.

" Kita tahu apa yang berlaku dan inilah sebab mengapa para pengundi di Sarawak harus melantik beberapa calon pembangkang untuk mengawasi salah laku yang berleluasa di Sarawak, kata beliau.

Lim juga menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Hari Kebangsaan semalam, yang kewujudan pembangkang di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menunjukkan demokrasi masih berfungsi di Malaysia.

"Tetapi di Sarawak, trend yang wujud tidak baik dan tidak sehaluan

dengan sentimen Perdana Menteri.... ," kata beliau. -- BERNAMA
AU PR